

3

PENCERAHAN NILAI-NILAI MURNI MENURUT ISLAM

Pengenalan

Dalam sejarah peradaban manusia, persoalan tentang nilai sentiasa mengalami proses penambahbaikan bersesuaian dengan realiti dan pencapaian kemajuan semasa yang dicapai oleh manusia. Revolusi pemikiran manusia dalam memperbaiki taraf kehidupan insaniah telah mencetuskan satu dimensi yang positif untuk merangka satu sistem tamadun manusia yang progresif dan bersifat "sustainable system". Setiap masyarakat memiliki mekanisme yang tersendiri untuk merungkai permasalahan yang dihadapinya. Justeru itu, masyarakat Islam mempunyai pertimbangannya yang tersendiri dalam menentukan nilai-nilai yang bersesuaian dengan *roh* syariat dan dapat menampung realiti dan keperluan semasa masyarakat. Ajaran Islam dan budaya masyarakat telah menjadi asas¹ kepada cerminan nilai masyarakat Islam amnya. Hanya nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam sahaja diiktiraf sebagai nilai-nilai murni dalam Islam.

Oleh kerana manusia merupakan faktor yang dominan dalam menyuburkan gagasan peradaban manusia, sudah pastilah ia sentiasa dipengaruhi oleh pelbagai sistem dan institusi di sekelilingnya. Akibatnya manusia yang cenderung untuk mempertahankan sistem yang ditaja oleh manusia secara totalnya seringkali mengutamakan kepentingan individu semata-mata dan sanggup mengorbankan kepentingan umum. Menyedari realiti yang berlaku, Islam mempunyai mekanisme yang tersendiri dalam

¹ Malik Bennabi. (1980). *Musykilah Al-Thaqafah*, hlm. 126-127.

menguruskan sistem kehidupan manusia yang bersifat komprehensif dan holistik bagi mengelakkan kezaliman dan ketidakadilan berlaku dalam institusi masyarakat. Tuntutan kepada memaksimumkan peningkatan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan manusia khususnya dalam pembangunan modal insan akan mengubah *worldview* manusia ke arah penjanaan insan terpuji dan mengutamakan nilai-nilai murni dalam kehidupan.²

Dalam ruang lingkup Islam, setiap bidang komponen keperluan manusia adalah terikat dengan konsep pandangan hidup tauhid.³ Sejarah ketamadunan manusia telah melakarkan konsep pandang semesta manusia tidak pernah sunyi dari petunjuk keagamaan yang berorientasikan orde tauhid. Meskipun manusia telah mencapai kemajuan dan kemodenan yang telah diciptakan namun ia hanya bersifat kuantitatif dan sentiasa mengalami perubahan. Berbeza pula dengan aspek ketauhidan yang memiliki ciri-ciri kualitatif dan *universal*, sifatnya sentiasa memelihara keasliannya walaupun berbeza suasana dan tempat. Reformasi kerohanian yang berteraskan tauhid secara eksplisitnya memberi gambaran kepada manusia tentang hakikat kebenaran yang perlu dijadikan falsafah asasi kehidupan manusia. Asas pegangan inilah yang akan memberi kesedaran kepada manusia tentang hakikat kejediannya dan objektif utama ia diutuskan atas muka bumi ini.

Oleh yang demikian, kerangka sistem nilai yang dicanai dengan roh tauhid akan mencerminkan satu kebenaran tentang keindahan ajaran Islam yang diwarnai dengan nilai-nilai murni yang luhur. Nilai-nilai kolektif yang disaduri dengan nilai-nilai Islam akan menzahirkan ciri-ciri yang positif seperti keadilan, kesaksamaan, kebaikan dan memelihara kepentingan umum sepertimana yang telah termaktub dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Nilai-nilai yang diutarakan tersebut mempunyai falsafah keinsanan yang besar dan memberi isyarat bahawa manusia mempunyai nilai stratifikasi sosial yang sama tanpa wujud perbezaan sempadan dan geografi. Ia memberi pengajaran kepada manusia agar tidak bertindak melampaui batas sehingga menimbulkan ketidakstabilan dan ketidakharmonian dalam hubungan manusia sesama

² M.Umer Chapra. (1985). *Towards a Just Monetary System*, hlm. 9.

³ Khursid Ahmad menjelaskan konsep tauhid sebagai "*Man, who commits himself to the will of Allah, recognizes no authority except His accepts no guidances other than His. This commitment is total as well as positives and vigorous. It involves love worship, obedience and submission combined with eagerness to do His will and sense of mission.*" Untuk keterangan lanjut, sila lihat Khursid Ahmad. (1989). *Islamic Perspectives*, hlm. 17.